

Tekong bot didakwa rasuah

S/H 24/10/2019 m/s 11

KUANTAN - Seorang tekong bot nelayan warga Vietnam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan semalam atas tuduhan rasuah.

Tertuduh, Ngo Hoang Huy, 27, tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Sarah Zainal Abiddin di hadapan Hakim, Mohd Ghazali Mohd Taib.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa menghulur suapan RM600 kepada pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai dorongan tidak mengambil

tindakan ke atas dirinya dan awak-awak selepas ditahan atas kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu ketika berada di atas bot di lokasi tangkapan pada jam 10.45 pagi, 8 Oktober lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 24 akta sama.

Sekiranya sabit kesalahan, tertuduh bakal berdepan hukuman penjara tidak lebih daripada dua tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana yang paling tinggi.